



02 JUN, 2021

## Pesuruhjaya Kehakiman tarik diri dengar kes saman SRC ke atas Najib

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

### Pesuruhjaya Kehakiman tarik diri dengar kes saman SRC ke atas Najib

**KUALA LUMPUR** - Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, Liza Chan Sow Keng menarik diri daripada mendengar kes saman yang dikemukakan IMalaysia Development Bhd (IMDB) terhadap firma guaman Tetuan Wong & Partners serta kes saman SRC International Sdn Bhd terhadap Datuk Seri Najib Tun Razak dan enam lagi.

Apabila dihubungi, peguam dari Tetuan Rosli Dahlan Saravana Partnership yang bertindak bagi pihak IMDB dan SRC berkata, semasa prosiding mahkamah melalui sidang video hari ini, Pesuruhjaya Kehakiman Liza memaklumkan, pihaknya memutuskan untuk menarik

diri daripada mendengar kes itu kerana bekas Perdana Menteri adalah rakan beliau.

"Walaupun sudah bertahun-tahun mereka tidak berhubung, Liza berpendapat beliau harus menarik diri daripada mendengar kes itu untuk mengelakkan sebarang syak wasangka atau dakwaan berat sebelah atau berpihak. Jadi perkara itu dikembalikan semula untuk penguurusan kes di hadapan mahkamah berbeza dan tarikh baharu akan ditetapkan tidak lama lagi," kata peguam itu.

Pada 7 Mei, SRC selaku plaintif di bawah penguurusan baharunya, memfailkan saman terhadap bekas Perdana Men-

teri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan enam lagi atas dakwaan melakukan pecah amanah serta melanggar kewajipan statutori berhubung pinjaman Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) berjumlah RM4 bilion kepada SRC.

Dalam writ samannya, SRC yang merupakan anak syarikat IMDB, menamakan Najib serta enam bekas pengarah SRC iaitu Datuk Suboh Md Yassin, Nik Faisal Ariff Kamil, Datuk Mohammed Azhar Osman Khairuddin, Shahrol Azral Ibrahim Halimi, Tan Sri Ismee Ismail dan Datuk Che Abdullah@Rashidi Che Omar sebagai defendan.

Najib merupakan Penasihat Emeritus

SRC dari 1 Mei 2012 hingga 4 Mac 2019.

SRC yang kini dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD), mendakwa kesemua defendan berkomplot dan melakukan pecah amanah selain mendakwa bekas Perdana Menteri itu salah guna kuasa serta mendapat manfaat peribadi daripada dana SRC selain menyeleweng dana berkenaan.

Oleh itu, plaintif menuntut deklarasi supaya kesemua defendan bertanggungjawab membayar kerugian dana pelaburan akibat penggunaan jumlah pinjaman tersebut selain ganti rugi am dan faedah, kos serta relif lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah. - *Bernama*



02 JUN, 2021

## Pesuruhjaya Kehakiman tarik diri dengar kes saman SRC ke atas Najib

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, Liza Chan Sow Keng menarik diri daripada mendengar kes saman yang dikemukakan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) terhadap firma guaman Tetuan Wong & Partners serta kes saman SRC International Sdn Bhd terhadap Datuk Seri Najib Tun Razak dan enam lagi.